

Mahathir seru rakyat kekalkan UMNO dalam Barisan Nasional

JM 26 JUL 1988

JITRA 25 Julai— Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad han ini menyeru rakyat supaya mengekalkan UMNO dan Barisan Nasional dalam pentadbiran negara ini kerana kekuatan gabungan ini sahaja yang dapat menentukan masa depan negara.

Berucap dalam satu perjumpaan Hari Raya Aidiladha dengan kira-kira 1,500 orang guru di Dewan Sekolah Mene-ngh Jitra di sini Datuk Sri Dr. Mahathir mene-gaskan kejayaan UMNO dan Barisan Nasional mentadbir negara ini adalah kerana mempu-

nyai falsafah politik tertentu.

“Kita berjaya kerana kita mempunyai falsafah politik tertentu, kita buat apa yang kita fikir wajar dengan berasaskan kepada kebolehan kita sendiri,” ujarnya.

Perdana Menteri menambah, di sesetengah negara terdapat berpuh-puluh buah parti poitiik tetapi mereka tidak mendapat sokongan majoriti maka sukarlah untuk menubuhkan kerajaan mutlak yang kuat kecuali kerajaan campuran.

Sebaliknya di negara ini jika terdapat mana-mana parti yang ingin menarik diri dari komponen Barisan Nasional ia tidak akan menjejaskan pentadbiran negara kerana kekuatan UMNO yang menjadi tunggak pemerintahan.

Berperang

Oleh itu beliau menyeru kalangan tertentu supaya tidak berebut-rebut untuk menjadi pemimpin negara kerana akan mengakibatkan kucar kacir dan berperang sama sendiri sehingga menjejaskan pembangunan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya menerangkan bahawa kerajaan tidak pernah mempunyai sebarang niat buruk terhadap sesiapa pun termasuk pegawai pegawai kerajaan.

Katanya, kerajaan akan menentukan pembahagian kekayaan negara diberikan secara adil kepada semua pihak termasuk para petani dan nelayan.

“Kalau kerajaan tidak dapat memberi ini tidak bermakna kerajaan tidak bemiati untuk memberi tetapi adalah kerana kemampuan kerajaan terhadap,” katanya.